

# Kelab Disney

## kunjungi Tun Mahathir



TUN DR MAHATHIR ditemuramah oleh Aidid.

Oleh Nurulhisham Abdul Latiff

SEMPENA sambutan kemerdekaan negara yang ke-47, siaran Kelab Disney pada 28 Ogos ini mengajak penonton kecil rancangan berkenaan meninjau Yayasan Kepimpinan Perdana, iaitu satu lagi mercu tanda di Putrajaya.

Di bangunan itulah terletak pejabat Tun Dr Mahathir Mohamad, iaitu bekas Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Penonton cilik juga akan dibawa ke perpustakaan yang menyediakan segala bentuk bahan bacaan mengenai kepimpinan keempat-empat bekas Perdana Menteri Malaysia.

Selain perpustakaan, yayasan berkenaan juga menyediakan kemudahan seperti auditorium, bilik audio visual, juga galeri yang mempamerkan sebahagian koleksi cenderahati yang dihidiahkan kepada Tun Mahathir seperti pedang bersalut permata dari kerajaan Syria dan pasu dari Kerajaan China.

Saksikan juga aksi spontan dan jawapan rakan adik-adik mengenai pengertian kemerdekaan dalam episod kali ini, yang pasti memikat hati penonton.

Kelab Disney musim ini menampilkan sepasang pengacara baru, Nicholas Teh dan Yuzairin Mohd Yusof yang dikenali dengan panggilan Kak Erin dan

Abang Nick.

Dengan pengalaman sebagai guru tadika, Erin yang berkelulusan sarjana muda di bidang bahasa Inggeris dapat memikat ramai kanak-kanak walaupun baru dua bulan bersama Kelab Disney Malaysia.

Nick pula yang bertugas sebagai pegawai pemasaran dan berkelulusan dalam bidang penyiaran dapat mencuit hati kanak-kanak dengan telatah spontan. Kini pengacara itu mulai mendapat tempat di hati penonton walaupun dia juga baru dua bulan mengendalikan rancangan berkenaan.

Selain menampilkan beberapa lokasi menarik, Kelab Disney Malaysia juga menyiarkan kartun animasi keluaran Disney bagi memeriahkan lagi program itu. Antara kartun yang disiarkan adalah Mickey Mouse & Donald Duck Short Cartoon dan Teamo Supremo.

Kelab Disney tidak ketinggalan memilih lokasi menarik seperti muzium, galeri, tempat bersejarah, aktiviti kanak-kanak serta taman tema untuk tontonan dan keseronokan peminat rancangan terbabit.

Siaran istimewa Remaja pada hari yang sama pula menyiarkan rakaman istimewa pengacara, Aidid Marcello dengan bekas Perdana Menteri. Rakaman yang berlangsung di Yayasan Kepimpinan Perdana ini menyentuh isu serta permasalahan remaja pada masa kini. Antaranya masalah remaja dan kebebasan serta gejala


sosial, jenayah yang banyak membabitkan remaja.

Dalam rancangan setengah jam ini juga dipaparkan kejayaan remaja negara seperti Muhammad Nabil Jan Al Jeffri yang mengukir nama dalam sukan gb-kart. Anak kelahiran Kuala Lumpur itu adalah pelumba tunggal terpilih ke Manila untuk bersaing dalam kategori kadet 85 cc (8-12 tahun).

Pada usia 10 tahun, Nabil adalah remaja cilik yang boleh dicontohi, miliki jiwa yang kental dan nekad untuk mengharumkan nama negara dalam sukan lumba kereta di peringkat antarabangsa.

Kejayaan Hilda, seorang lagi remaja Malaysia yang cemerlang dalam pendidikan bahasa Mandarin ditawarkan biasiswa Pengajian Bahasa Mandarin di sebuah daripada Universiti di China. Kejayaan Hilda, membuktikan semangat Malaysia Boleh dalam apa juga bidang asalkan ada kesungguhan.

Ikuti juga sekitar sambutan bulan kemerdekaan di kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa dalam ekspedisi mengibarkan jalur gemilang.



ABANG NICK dan Kak Erin, pengacara baru Kelab Disney TV3.